

| | |
|-----------|-----------------|
| Newspaper | BERITA HARIAN |
| Date | 08 JANUARY 2017 |

Pekebun, penoreh terjejas bah boleh mohon bantuan

BH-8/1/2017

Pasir Mas: Pekebun kecil dan penoreh getah yang terjejas dengan banjir boleh memohon bantuan kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW).

Menterinya, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata kementerianya menunggu laporan penuh maklumat mereka yang terjejas daripada pegawai bertanggungjawab di Kelantan dan Terengganu.

Beri bantuan segera

“Bantuan akan segera diberikan selepas kami menerima laporan untuk

Info

Keselamatan ketika banjir

- **Jangan** gunakan alat elektrik yang terendam air
- **Bersihkan** dan keringkan peralatan elektrik

membantu meringankan beban pekebun dan penoreh yang terjejas dengan bencana ini.

“Saya percaya selepas banjir reda, pihak kami akan menerima banyak laporan dan permohonan daripada mangsa yang memohon bantuan,” katanya ketika ditemui media selepas melawat mangsa banjir di Sekolah Kebangsaan Kedai Tanjong, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Pengerusi KESEDAR, Datuk Abdul Aziz Derashid, yang memberi bantuan 1,110 mangsa daripada 421 keluarga banjir di

pusat pemindahan berkenaan.

Usah guna alat elektrik terendam banjir

Di **Kuala Lumpur**, Tenaga Nasional Bhd (TNB) menasihatkan orang ramai supaya tidak menggunakan peralatan elektrik yang terendam dalam banjir bagi mengelakkan renjatan elektrik.

Ketua Pegawai Korporat TNB, Datuk Wira Roslan Ab Rahman, berkata pengguna yang ingin menggunakan peralatan elektrik itu semula memastikan ia diperiksa dan diuji kon-

traktor elektrik berdaftar dengan Suruhanjaya Tenaga (ST).

“Peralatan elektrik dan pendawaian yang terendam boleh mienyebabkan litar pintas atau kebakaran.

“Sebelum menggunakan semula peralatan elektrik, ia perlu dibersihkan dan dikeringkan,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Mereka yang ingin mendapatkan nasihat dan maklumat lain berkaitan bekalan elektrik di kawasan yang terdabit dengan banjir, boleh menghubungi talian TNB CareLine 15454.